

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG]

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan:

- (a) berapa peruntukan dari Kementerian untuk meningkatkan pengeluaran ternakan Ruminan di Sarawak; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian untuk menentukan '*Self-Sufficiency Level*' (SSL) bagi daging lembu dan kambing dapat ditingkatkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepanjang pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11), sebanyak RM69 juta peruntukan telah diluluskan kepada agensi-agensi berkaitan di Negeri Sarawak bagi projek-projek berkaitan dengan pengeluaran ternakan ruminan seperti lembu, kerbau dan kambing. Peruntukan ini meliputi usaha-usaha pembangunan makanan ternakan, kesihatan, benih serta baka haiwan ternakan ruminan.
2. Pada tahun 2019, tahap SSL daging lembu/kerbau negara berada pada tahap 21.72% manakala daging kambing ialah 10.72%. Pelan Strategik Pembangunan Industri Pedaging Negara telah dibangunkan oleh MAFI melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar bertujuan meningkatkan pengeluaran dan tahap SSL daging lembu/kerbau dan kambing/bebiri.

3. Kerajaan mensasarkan pengeluaran daging lembu/kerbau mencapai 30% SSL melalui penambahan induk kepada 878,298 ekor dengan pengeluaran sebanyak 50,000 tan metrik dan daging kambing/bebiri mencapai 18% SSL dengan pengeluaran sebanyak 6,000 metrik tan menjelang 2025.
4. Pelbagai inisiatif yang telah dirancang dan sedang dilaksanakan bagi tujuan untuk meningkatkan pengeluaran ternakan ruminan di samping meningkatkan pendapatan dalam kalangan penternak kecil dan semi-komersial di seluruh negara.
5. Antara inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan MAFI melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar adalah seperti berikut:
 - i. program rintis iaitu Program Pembangunan Industri Ruminan (PROPER) yang merupakan insentif berbentuk geran pemadanan kepada penternak semi komersial menerusi konsep 70:30 iaitu pembiayaan sebanyak 70% daripada kerajaan manakala 30% adalah daripada penternak;
 - ii. Projek *Entry Point Project 5* (EPP5) iaitu projek integrasi lembu di ladang kelapa sawit yang melibatkan pelaksanaan penternakan integrasi di kawasan perladangan kelapa sawit yang memfokuskan kepada peningkatan pengeluaran lembu; dan
 - iii. penggalakkan penglibatan agropreneur muda dalam sektor ternakan terutamanya industri ruminan melalui program bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM) dalam bentuk barang (*in-kind*) dengan had maksimum sebanyak RM20,000 pembiayaan melalui Agrobank atau TEKUN Nasional bagi projek – projek pengembangan yang dijalankan.

Sekian, terima kasih.